



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 03 APRIL 2024 (RABU)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SJ ECHO	DESTROY AEDEA BREEDING GROUNDS, MBSJ COUNCILLOR URGES RESIDENTS

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBPJ MPS DBKL	- GET TO KNOW THE BENEFITS OF LIVING IN A HAPPY CITY, PJ MAYOR TELLS RESIDENTS - SELANG MATTERS - CITY HALL NOTICES

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	NO LAVISH GOVT RAYA CELEBRATIONS PLEASE
2.	SINAR HARIAN	- KES STROK HABA, COVID-19 DI SELANGOR MASIH TERKAWAL - HAD LAJU JALAN PERSEKUTUAN DIKURANGKAN 10km/j SEMPERA AIDILFITRI - DATA ASAS RAKYAT BANTU KENAL PASTI GOLONGAN LAYAK TERIMA SUBSIDI - SUBSIDI BERSASAR TETAP DILAKSANAKAN - TIADA RUMAH TERBUKA AIDILFITRI DI SERI PERDANA - AGANSI PENGUATKUASAAN DIPANTAU RAPI – PM - KWSP UMUM SENARAI UNIT AMANAH
3.	KOSMO	- TIADA RUMAH TERBUKA AIDILFITRI DI SERI PERDANA TAHUN INI – PM - PM MINTA TINDAKAN TEGAS KEPADA KAKITANGAN RASUAH PANTAU KAKI SELEWENG - BKK BUAT ANWAR TIDAK TIDUR MALAM - APLIKASI BANTU RANCANG PERJALANAN BALIK KAMPUNG - KWSP KEMAS KINI DANA PELABURAN
4.	HARIAN METRO	- KERAJAAN SELANGOR SERAH SUMBANGAN RM1.54 JUTA KEPADA 440 MASJID - SELENGGARA LEBUH RAYA DIHENTI SEMENTARA HINGGA 17 APRIL - ANGGOTA AGANSI PENGUATKUASAAN AMBIL RASUAH PANTAU DARI DEKAT - PM TAK BERCADANG BUAT MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI
5.	BERITA HARIAN	- PENDAFTARAN PADU AKAN DIBUKA SEMULA - KAKITANGAN AWAM BERCUTI LAYAK TERIMA BANTUAN KHAS AIDILFITRI
6.	UTUSAN MALAYSIA	189 DANA UNIT AMANAH KWSP LAYAK DITAWARKAN - JIMAT BERBELANJA, BUKAN WANG KAMU PUN
7.	NEW STRAITS TIMES	PM: NO HARI RAYA DO AT SERI PERDANA THIS YEAR
8.	THE SUN	- NO RAYA CELEBRATION THIS YEAR AT SERI PERDANA, SAYS PM - SPEED LIMIT ON FEDERAL ROADS REDUCED - HEATWAVE BANE AND BOON

Destroy Aedes Breeding Grounds, MBSJ Councillor Urges Residents

By Teoh - April 2, 2024



Spend 10mins every week to search and destroy mosquito breeding spots in your home

DENGUE ALERT! Dengue cases have been recording an upward trend over the last two months despite efforts by the health authorities and the Subang Jaya City Council in combating the situation.

MBSJ councillor Ken Chia is concerned that many residents will land up in hospital for dengue if residents themselves continue to ignore the need for them to search and destroy mosquito breeding spots in their homes and compounds.



Fogging only kills adult mosquitoes. Breeding spots continue to thrive

"Fogging kills adult mosquitoes while larvaciding targets the larvae of the Aedes mosquito in the water. But this can only reach the exterior of the house."

"We need residents to check the interior of their homes for breeding spots. They may have overlooked exposed containers of water inside their homes which are providing refuge to the mosquitoes," he said during a gotong-royong in USJ18 to remove old tires which were previously used for planting which had now been abandoned.

There are basically two variants of the Aedes mosquito. The Aedes aegypti is the dominant species, which thrives inside houses while the Aedes albopictus breeds primarily in outdoor containers.



Dengue cases continue to be high according to MBSJ councillor Ken Chia

According to Ken, it is important for residents to spare just 10 minutes weekly to search and destroy any potential breeding spots in their homes and compound.

"Check your toilet tank for mosquito larvae. Turn down the cover to your toilet seat if you are going away for a long period of time. The clean water in both is ideal for mosquitoes to breed," he added.

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasripriya@thestar.com.my

MAYOR Mohamad Zahri Samingon wants Petaling Jaya residents to know the benefits of living in the city that has been named one of the happiest in the country this year.

When news of the accolade by the Housing and Local Government Ministry was posted on Petaling Jaya City Council's (MBPJ) social media, he said the public had asked what the city council had done to receive the recognition.

"MBPJ should engage with the public and let them know what they enjoy as the city's residents," Mohamad Zahri said at a full board meeting.

The happiness index is based on a study carried out across 144 local authorities across the country.

The index is measured by the Malaysian Urban Rural National Indicators Network for Sustainable Development, known as Murninets through PLANMalaysia.

The objective is to recognise the relationship between physical, social and environmental development.

Get to know the benefits of living in a happy city, PJ mayor tells residents



Mohamad Zahri (right) receiving the Happiest City 2024 award from Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming at PLANMalaysia in Putrajaya as Petaling Jaya deputy mayor Aznan Hassan looks on.

The residents' emotional and mental well-being is also measured through the survey.

The survey was conducted by MBPJ among residents

across various age groups and backgrounds, said Mohamad Zahri.

The questionnaire, he added, consisted of 14 components

including psychological well-being, liveable community, cultural diversity and sustainability, healthcare, education, various ecology, quality of life and administrative efficiency.

About 450 respondents participated in the survey this year.

Separately, Mohamad Zahri said the city's community grant programme known as PJ Seed (Social, Environment & Economy Development) was open for application until April 30.

Some RM2.4mil has been awarded to selected organisations since the grant's inception.

The forms can be obtained from MBPJ's website at www.mbpj.gov.my

Meanwhile, the Safe City neighbourhood programme has distributed RM3,000 each to 145 applicants.

This consists of 77 residents association, 31 Rukun Tetangga, 33 joint management bodies and four village community management councils.

STAR
3/4
MBPJ

THE STAR

03 APR 2024
Tarikh:

SELAYANG MATTERS (mps)

Application for assessment tax exemption for kampung houses under Selayang Municipal Council is open until May 31. Results will be released on Sept 1. For details, call 03-6126 5906/ 5907/5908.

THE STAR

Tarikh: 03 APR 2024

CITY HALL NOTICES (DBKL)

> Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is activating a trial run of traffic lights at Bulatan Dato Onn until April 7. For details, call 03-2028 2280 or email jpb@dbkl.gov.my

> DBKL is conducting a survey on the free GOKL bus service until May 31 to gain an insight on how it can be improved. To participate, visit <https://forms.gle/6HWt2cbWnJ-BLDgNW6>

THE STAR

Tarikh: 03 APR 2024

'No lavish govt Raya celebrations please'

STAR
3/4

PUTRAJAYA: Government bodies must not go overboard in hosting Hari Raya Aidilfitri celebrations, says the Prime Minister.

Datuk Seri Anwar Ibrahim said they must be conscious and wise when spending public funds, particularly for matters like festivities and celebrations.

"We must be mindful because there are still some who lack comfort and do not have access to facilities, all of which we must look into and work on improving," he said at the Finance Ministry's monthly gathering here yesterday.

Anwar said there was no need to compete to see which agency could host the grandest event.

"Remember that the money is not ours. Just a simple celebration will do," he said.

Anwar also said there will not be a grand-scale Hari Raya

Aidilfitri open house at Seri Perdana – the official residence of the Prime Minister in Putrajaya.

Instead, he said he would be joining Hari Raya events organised by ministries in several states.

"I will be attending these events so that there will be no additional cost incurred if an open house is to be held at Seri Perdana," he said.

Since he took office, Anwar has done away with hosting a Hari Raya Aidilfitri open house at Seri Perdana.

On another matter, the Prime Minister asked heads of departments and agencies to give back to the community by helping the kampung folk.

He said these high-ranking officials could use their influence, knowledge and experience to help their local community con-



Being mindful: Anwar speaking during Finance Ministry's monthly gathering in Putrajaya. Anwar says there will not be a grand-scale Hari Raya Aidilfitri open house at Seri Perdana this year. — Bernama

tact departments, write letters on their behalf and see to it that the issues were acknowledged and acted upon by the relevant departments.

"These senior officials have the responsibility to help people in their kampung. They have made

it in life and they should see what can be done for their orang kampung.

"They can help identify the hardcore poor or those who have problems pursuing an education and see what can be done to help," he said.

THE STAR

03 APR 2024

Tarikh:.....

Kes strok haba, Covid-19 ^{Sinar} di Selangor masih terkawal ^{3/4}

SHAH ALAM - Kes melibatkan strok haba dan Covid-19 di Selangor masih dalam keadaan terkawal, kata Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Selangor, Jamaliah Jamaluddin.

Menurutnya, setakat ini pihaknya sentiasa menjalin kerjasama erat dengan semua jabatan dan agensi kerajaan bagi memantau situasi tersebut.

"Pemerhatian mendapati kes strok haba masih terkawal dan kita mempunyai kapasiti untuk mengambil tindakan segera," katanya ketika ditemui pada Majlis Iftar bersama Pengamal Media di sini pada Isnin.

Jamaliah berkata, kes Covid-19 di negeri ini juga dalam keadaan sederhana sejak beberapa bulan lalu.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan

orang ramai agar mengamalkan langkah pencegahan terutama pada Aidilfitri.

"Biasanya, kes melibatkan Covid-19 mencatatkan peningkatan ketika musim perayaan.

"Justeru, kita digalakkan memakai pelitup muka dan minum lebih banyak air jika cuaca panas," ujarnya.

Tambahnya, masyarakat juga perlu peka dengan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan makluman keadaan cuaca daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

KKM sebelum ini mendapati sebanyak 28 kes penyakit berkaitan haba dilaporkan sehingga 25 Mac lalu.

Ia melibatkan 19 kes kelesuan haba dan sembilan kes strok haba manakala tiada kes kejang haba dilaporkan.



Jamaliah (tengah) bergambar bersama pengamal media pada majlis iftar di Shah Alam pada Isnin.

SINAR HARIAN
Tarikh: 03 APR 2024

Sinar 3/6

Had laju jalan persekutuan dikurangkan 10km/j sempena Aidilfitri

KUALA LUMPUR - Had laju di jalan persekutuan di seluruh negara dikurangkan 10 kilometer sejam (km/j) bermula 8 hingga 14 April sempena perayaan Aidilfitri.

Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam kenyataan pada Selasa memaklumkan, sepanjang tempoh itu, had laju di jalan persekutuan diturunkan kepada 80km/j berbanding 90km/j.

Kementerian itu memaklumkan, pengurangan sementara had laju selama seminggu berkenaan antara langkah keselamatan dan pemantauan diambil kerajaan bagi meningkatkan keselamatan dan mengurangkan risiko kemalangan jalan raya berdasarkan data sejarah kemalangan jalan raya semasa musim perayaan.

Kenyataan itu menyebut KKR pada tempoh sama menjalankan Ops Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya bersempena Aidilfitri ini.

Pihak konsesi jalan per-

sekutuan juga diberitahu untuk menghentikan kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan jalan yang tidak kritikal mulai 5 hingga 14 April supaya tidak mengganggu aliran trafik kecuali bagi kerja-kerja menampal lubang, kecemasan dan kritikal serta kerja pembinaan di luar rizab jalan.

"Bagi lebuhraya pula, syarikat konsesi tidak dibenarkan melaksanakan sebarang penutupan lorong lebuhraya kecuali bagi kes dan kerja kecemasan bermula dari 1 hingga 17 April 2024.

"Ini sejajar dengan semangat dan aspirasi Program MyJalan yang dilancarkan KKR serta pendekatan seluruh rakyat dan negara untuk semua pihak termasuk rakyat bersama-sama bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan keselesaan pemanduan terutama di jalan persekutuan," menurut kenyataan itu. - Bernama



Had laju di jalan persekutuan di seluruh negara dikurangkan 10km/j bermula 8 hingga 14 April sempena Aidilfitri.

SINAR HARIAN

Tarikh: ..0.3..APR..2024.....

Data asas rakyat bantu kenal pasti golongan layak terima subsidi

SHAH ALAM - Kerajaan tidak mempunyai masalah untuk menyalurkan subsidi bersasar meskipun hanya separuh penduduk berusia 18 tahun mendaftar dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) selepas ia ditutup pada Ahad.



MOHD AFZANIZAM

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, data asas rakyat yang direkodkan di bawah pelbagai agensi kerajaan akan dapat membantu mengenal pasti golongan layak menerima subsidi berkenaan.

"Dengan adanya data-data asas itu sudah tentu penyaluran subsidi bersasar seperti yang dirancang kerajaan masih boleh dilaksanakan dan ia akan membantu dalam pengagihan yang adil kepada rakyat.

"Bagaimanapun tidak dinafikan mungkin akan wujud kelompongan dari segi ketepatan kerana data asas itu mungkin tidak dikemas kini dari semasa ke semasa," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Mengulas lanjut, Mohd Afzanizam berpandangan, PADU sepatutnya bersifat lebih komprehensif kerana objektifnya mahu memastikan subsidi dinikmati oleh golongan yang betul-betul layak.

Justeru, tegasnya, jika kerajaan membuka semula pendaftaran PADU selepas ini rakyat sepatutnya merebut peluang itu untuk berbuat demikian agar maklumat benar-benar tepat.

"Sebab kita tak nak adanya lompong atau pemberian subsidi tidak menjangkau semua populasi rakyat. Kita juga tidak mahu ada ketirisan kerana maklumat yang tidak dikemas kini atau maklumat yang tidak mencukupi.

"Sekiranya kurang ketirisan, akan ada penjimatan dan ia boleh disalurkan kepada mereka yang lebih layak," ujar beliau.

SINAR HARIAN

Tarikh: **03 APR 2024**

Subsidi bersasar tetap dilaksanakan

30 juta data asas rakyat Malaysia sudah ada dalam sistem PADU

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

Pelaksanaan subsidi secara bersasar tetap dilaksanakan meskipun 11.55 juta rakyat atau bersama 52.6 peratus berdaftar di dalam sistem Pengkalan Data Utama (PADU).

Ini kerana kata Ketua Perangkaman Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, inisiatif itu akan disokong oleh 30 juta data asas rakyat Malaysia.

"Insya-ALLAH boleh dilaksanakan sebab kerajaan sudah ada data asas rakyat di dalam sistem," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Ujar beliau, data asas akan digunakan secara sementara di peringkat awal pelaksanaan sehingga kerajaan memutuskan pendaftaran dan pengemaskinian data ke dalam sistem PADU secara berkala.

"Data asas ini merangkumi data demografi berdasarkan pendaftaran kelahiran, data pemilikan kenderaan dan sebagainya.

"Perkara ini negara maju sudah laksanakan dan mengurus rakyat dengan baik," ujar beliau.

Jelas Mohd Uzir, pengemaskinian data secara berkala perlu dibuat untuk memastikan data yang diperolehi adalah relevan.



MOHD UZIR

Data asas akan digunakan secara sementara di peringkat awal pelaksanaan.

"Orang bukan duduk statik, tidak bergerak, tidak bertukar pekerjaan dan status perkahwinan serta pendidikan, jadi akan berlaku pengemaskinian secara berkala," katanya.

Menurut beliau, apabila kerajaan membuat keputusan mengenai penyesaran semula subsidi, rakyat akan melihat kepentingan data ini.

"Kita perlu terus bergerak sebab ada rakyat yang mahu tengok dulu apa yang kerajaan laksanakan dan sebagainya," katanya.

Pada Isnin, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mengumumkan seramai 11.55 juta atau 52.6 peratus rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas sudah mendaftar dan mengemas kini profil mereka dalam sistem PADU selepas ia ditutup tengah malam Ahad.

Ujar beliau, jumlah itu menjadikan 17.65 juta atau 58.7 peratus keseluruhan profil rakyat termasuk ahli isi rumah bawah 18 tahun berjaya dikemas kini di sistem PADU.

Sementara itu, ditanya sama ada

warga emas yang menerima bantuan kerajaan sebelum ini dan tidak berdaftar PADU atas alasan tertentu akan dimasukkan ke dalam senarai penerima subsidi, Mohd Uzir memaklumkan data golongan tersebut telah ditarik masuk.

"Sekiranya didapati masih layak, masih hidup mereka layak tetapi tapisan juga akan dilakukan," katanya.

Sementara itu, katanya, individu yang telah mendaftar sistem PADU masih boleh menghantar maklumat yang belum dilengkapkan walaupun selepas tarikh tutup pendaftaran.

"Bagaimanapun, tarikh tutup bagi pendaftaran sistem PADU kekal hingga semalam (Ahad).

"Kepada mereka yang masih ada lagi maklumat yang mungkin tidak lepas dalam pengenalan diri (gagal pengesahan identiti), e-KYC (Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital), pasukan PADU sedang membantu untuk memastikan mereka dapat menghantar atau melengkapkan maklumat yang diperlukan ke dalam sistem tersebut," katanya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 03 APR 2024

Tiada rumah terbuka Aidilfitri di Seri Perdana

sinar
3/4

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak bercadang untuk membuat sebarang majlis sambutan Aidilfitri di kediaman rasminya di Seri Perdana tahun ini, sebaliknya hanya mahu mengikuti sambutan anjuran kementerian di negeri-negeri.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan harus mengamalkan langkah berjimat cermat dan beliau mahu supaya tindakan itu dicontohi oleh agensi-agensi kerajaan yang lain.

Sehubungan itu, beliau menggesa setiap agensi dan kementerian, terutama sekali Kementerian Kewangan agar tidak bermegah dalam mengadakan majlis sambutan Aidilfitri yang bakal diraikan tidak lama lagi.

"Janganlah bersaing siapa lebih megah... bukan duit kamu pun," katanya di sini pada Selasa.

Sementara itu, Anwar berkata, keputusan kerajaan memberikan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri kepada penjawat awam dibuat selepas mengambil kira kos sara hidup yang diakui sedikit meningkat ketika ini, selain memenuhi keperluan untuk menyambut Aidilfitri.

"Malam (Ahad) saya fikir (mengenai BKK itu) dan nak tidur pun terganggu. Jadi

saya fikir bagi jelah sikit, kurang-kurang reda sikit (beban) dan kerja pun semangat. Harap kita belanja dengan cermat dan berhemat," ujar beliau.

Anwar mengakui agihan bantuan RM2,000 (Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam) kepada penjawat awam bulan lepas, tidak dapat menampung keperluan sedia ada.

"Saya telah jelajah ke Sarawak, Pahang, Perak dan Perlis, saya lihat masih ada penjawat awam di peringkat bawah mengeluh kerana kos sara hidup yang meningkat sedikit," katanya.

Pada Isnin, Anwar mengumumkan BKK Aidilfitri RM500 kepada penjawat awam Gred 56 ke bawah yang akan dibayar pada Jumaat ini, di samping BKK Aidilfitri RM250 kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen serta tidak berpencen.

Anwar seterusnya menggesa semua agensi, badan-badan berkanun kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan untuk mengumumkan bantuan sama kepada pekerja mereka.

"Kalau boleh bagilah pertimbangan untuk ratusan ribu pekerja di bawah supaya mereka dapat habuan untuk meringankan beban bagi sambut Aidilfitri," katanya.

- Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh:03...APR...2024.....

Bagi mengelakkan mereka terpalit isu kecurangan, dalam usaha banteras gejala rasuah

PUTRAJAYA

Kerajaan sedang memantau agensi-agensi penguatkuasaan negara dengan rapi bagi mengelakkan mereka daripada terpalit dengan isu kecurangan, dalam usaha membantas gejala rasuah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berharap menerusi pemantauan itu ia dapat mengelakkan laporan berhubung aktiviti kecurangan seperti rasuah atau kegiatan 'menyakau' dalam kalangan penjawat awam yang menjalankan amanah menjaga keselamatan negara.

"Ini peringatan (kepada) penguatkuasaan kastam (Jabatan Kastam Diraja Malaysia), LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri) dan imigresen (Jabatan Imigresen).

"Kita sedang pantau dari dekat dan saya harap sangatlah supaya kita dapat elakkan laporan-laporan kecurangan ini kerana majoriti itu memang ada hasrat buat kebaikan," katanya ketika berucap pada majlis

perhimpunan warga Kementerian Kewangan di sini pada Selasa.

Beliau berkata, laporan-laporan kecurangan itu bukan melibatkan semua, tetapi hanya segelintir petugas penguatkuasaan, dan ada yang terpaksa menerima dalam keadaan terpaksa kerana wujudnya budaya sedemikian.

"Kadang-kadang, dia hidup dalam budaya yang begitu rupa, jadi budaya sakau itu semua, dia sebut - 'terpaksa' lah..

"Pernah orang sebut pada saya - kamu Menteri Kewangan lama, takkan tak ada kumpul duit banyak. Pasti kamu ini kurang cerdik atau memang tidak tahu apa-apa langsung. Sebab bagi dia, kalau dah jadi Menteri Kewangan, Perdana Menteri, mestilah kumpul banyak (harta/wang)," ujarnya.

Anwar seterusnya menekankan isu kecurangan atau rasuah yang dilaporkan berlaku dalam Jabatan Kastam, tidak seharusnya memberi imej yang buruk kepada penjawat awam, kerana menurutnya ia hanya membabitkan sebilangan kecil individu dalam jabatan berkenaan.

"Saya ucap tahniah kepada



Anwar ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Warga Kementerian Kewangan di Putrajaya pada Selasa.

Ketua Pengarah Kastam (Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin) kerana tidak melihat dari segi negatif, terus ambil tindakan - tukar dan ambil tindakan disiplin. Beliau tidak lindungi sesiapa. Jadi jangan biarkan sekelumit ini mencacatkan imej perkhidmatan awam, kalau ada tindakan seperti dilakukan oleh Ketua Pengarah Kastam, saya ucap tahniah," ujarnya.

Ketua Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki sebelum ini dilaporkan berkata, 34 anggota dan pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang bersekongkol dengan sindiket penyeludupan pengimportan dan penjualan arak serta rokok seludup membabitkan ketirisan hasil cukai RM2 bilion ditahan menerusi Ops Samba 2.0.

Dalam pada itu, Anwar berkata, kerajaan sentiasa membuat sehabis baik dengan mengambil

pelbagai langkah dalam mengatasi masalah kos sara hidup, termasuk menangani isu kartel untuk menurunkan harga beras import.

Justeru, katanya, pelaksanaan penyiasatan subsidi dan perubahan sistem pencen tidak seharusnya dipertikaikan sebagaimana yang dilakukan sesetengah ahli Parlimen, dengan alasan ada juga ahli Parlimen yang tergolong dalam kalangan B40.

"Sepertimana kos sara hidup.. saya tak pernah nafikan bahawa kita masih menghadapi cabaran, tapi kita buat sebaiknya, lawan kartel.

"Dia (ahli Parlimen) kata tak boleh kerana ahli Parlimen ada yang B40. Itu cakap apa? Gaji puluh ribu dengan elaun, masih B40. Dia ni cakap dari benua mana?" katanya.

Anwar berkata, melawan kartel tidak pernah dilakukan sebelum ini, namun ia perlu dilakukan sebagai satu daripada usaha untuk menyelamatkan negara daripada amalan curang.

Menurut Anwar, tidak ada makna bagi beliau untuk bergelar ketua dan pemimpin jika tidak sanggup menghadapi risiko.

- Bernama

FOTO: BERNAMA

Sinar
2/4

SINAR HARIAN
Tarikh:0.3.APR...2024....



KEWANGAN

KWSP telah meluluskan sebanyak 296 dana daripada 18 Institusi Pengurusan Dana di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP.

KWSP umum senarai unit amanah

Dikemas kini di bawah
Skim Pelaburan Ahli
KWSP berkuat kuasa
1 April 2024

KUALA LUMPUR

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan senarai kelayakan dikemas kini untuk dana unit amanah yang layak ditawarkan di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA KWSP), berkuat kuasa pada 1 April 2024.

Menurut KWSP, sebanyak 296 dana yang diluluskan daripada 18 Institusi Pengurusan Dana (IPD) di bawah SPA KWSP.

Berdasarkan penilaian tahunan yang dilaksanakan setakat 31 Disember 2023, 189 dana mencapai

kriteria kelayakan minimum dan layak ditawarkan kepada ahli KWSP untuk tempoh 2024/2025, katanya.

Daripada dana yang layak ini, 151 dana, atau (79.9 peratus) adalah dana tempatan; 107 dana (56.6 peratus) adalah dana ekuiti; dan 76 dana (40.2 peratus) adalah dana Syariah.

Ketua Pegawai Pelaburan KWSP Rohaya Mohammad Yusof berkata skim ini membolehkan ahli untuk memindahkan sebahagian daripada simpanan dalam Akaun 1 KWSP mereka ke dalam dana unit amanah yang layak ditawarkan untuk pelaburan di pasaran tempatan atau global bagi memberi peluang kepada ahli meningkatkan simpanan persaraan mereka.

"Senarai ini juga adalah termasuk dana unit amanah berasaskan Pelaburan Mampan dan

Bertanggungjawab (Sustainable and Responsible Investment atau SRI) yang berperanan dalam me-

macu agenda pelaburan mampan KWSP, di samping memperkasa ahli untuk membuat keputusan pelaburan yang termaklum melalui pelbagai dana yang dibenarkan," katanya.

KWSP berkata kesemua dana yang diluluskan di bawah SPA KWSP ini dinilai setiap tahun berdasarkan kriteria yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Kriteria kelayakan untuk penilaian dana ini termasuk prestasi yang konsisten serta prestasi relatifnya berbanding penanda aras dana.

Di samping itu, ia menekankan ambang kelayakan yang ditetapkan untuk kriteria ini disemak dari semasa ke semasa bagi memastikan hanya dana dengan kualiti tertinggi disenaraikan.

Untuk senarai penuh untuk dana unit amanah yang ditawarkan di bawah setiap IPD, ahli boleh merujuk kepada laman web KWSP di <https://www.kwsp.gov.my/ms/ahli/simpanan/li-invest>. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh:0..3...APR...2024....

Tiada rumah terbuka Aidilfitri di Seri Perdana tahun ini – PM

KOSMO 3/6

PUTRAJAYA – Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan tiada majlis rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri di Kompleks Seri Perdana pada tahun ini.

Perdana Menteri berkata, ia adalah sebagai langkah berjimat cermat dan sambutan sederhana.

“Saya hanya menyertai rumah terbuka anjuran kerajaan negeri dan kementerian. Oleh itu saya tidak akan buat majlis besar-besaran di Seri Perdana.

“Saya mahu Perbendaharaan menunjukkan contoh. Janganlah kita bersaing siapa lebih megah kerana bukan wang kamu pun,” katanya ketika berucap pada per-

himpunan bulanan Kementerian Kewangan di sini semalam.

Anwar turut menasihati semua pihak supaya melakukan sambutan secara sederhana.

Beliau turut mengingatkan semua pihak bahawa masih ada individu terutamanya anak-anak di kampung yang masih hidup dalam keadaan tidak selesa.

KOSMO

Tarikh: 03 APR 2024



PENGUAT kuasa diingatkan supaya menjaga imej kerajaan dengan tidak mengambil rasuah ketika menjalankan tugas. — GAMBAR HIASAN

PM minta tindakan tegas kepada kakitangan rasuah

Pantau kaki seleweng

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

PUTRAJAYA — Kerajaan akan memantau secara dekat setiap agensi penguatkuasaan bagi mencegah daripada terpalit isu kecurangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia ekoran terdapat segelintir penguat kuasa yang masih dikesan mengamalkan amalan rasuah serta salah guna kuasa.

"Ini peringatan badan penguatkuasaan bukan sahaja kastam, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan imigresen. Kita sedang pantau dari dekat.

"Saya harap sangat supaya kita dapat elakkan laporan-laporan kecurangan ini, kerana majoriti itu memang hasrat untuk buat kebaikan tapi kadang-kadang dia hidup dalam budaya 'sakau' semua jadi terpaksa ambil," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan bulanan di Kementrian Kewangan di sini semalam.



ANWAR

Dalam pada itu, Anwar turut menghargai langkah segera yang diambil oleh ketua pengarah kastam bagi menangani rasuah.

"Tahniah ketua pengarah kastam kerana dia tidak melihat dari segi negatif tetapi terus ambil tindakan, tukar, ambil tindakan disiplin dan sebagainya.

"Jangan biarkan sekelumit ini mencacatkan imej perkhidmatan awam, kalau ada tindakan seperti dilakukan ketua pengarah, saya ucap tahniah," ujarnya.

Jumaat lalu, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Tan Sri Azam Baki mendedahkan, jumlah ketirisan akibat kegiatan sindiket penyeludupan membabitkan anggota kastam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur mencecah RM2 bilion.

Katanya, seramai 34 penguat kuasa dan 27 individu serta pemilik syarikat ditahan menerusi Ops Samba 2.0 kerana melindungi dan memudahkan aktiviti penyeludupan sindiket itu.

Anggota dan pegawai penguat kuasa berusia 30 hingga 50 ditahan dipercayai menerima wang rasuah lebih RM4.7 juta daripada sindiket bagi memudahkan kegiatan penyeludupan tembakau kunyah, rokok, arak, produk kesihatan dan alat ganti kenderaan.

KOSMO

03 APR 2024

Tarikh:

BKK buat Anwar tidak tidur malam

PUTRAJAYA – Keputusan kerajaan memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri kepada penjawat awam adalah tepat pada waktunya selepas mengambil kira peningkatan kos sara hidup selain memenuhi keperluan membeli kelengkapan menyambut lebaran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, keputusan agihan bantuan Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam sebanyak RM2,000 kepada penjawat awam bulan lalu diakui tidak dapat menampung keperluan sedia ada.

"Malam (kelmarin), saya fikir (mengenai BKK itu) dan nak tidur pun terganggu. Jadi, saya fikir bagi jelah sikit kurang-kurang reda sikit (beban) dan kerja pun semangat.

"Harap kita belanja dengan cermat dan berhemah," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan bulanan bersama warga Kementerian Kewangan di sini semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, dia melihat ada penjawat awam peringkat bawah yang mengeluh mengenai kos sara hidup yang sedikit meningkat

selepas menjelajah ke Sarawak, Pahang, Perak dan Perlis.

Kelmarin Anwar mengumumkan BKK Aidilfitri sebanyak RM500 kepada penjawat awam Gred 56 ke bawah serta RM250 kepada pesara kerajaan termasuk veteran berpenyen serta tidak berpenyen yang akan dibayar pada Jumaat ini.

Dalam pada itu, Anwar berkata, beliau turut menggesa semua agensi, badan-badan berkanun kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan untuk mengumumkan bantuan sama kepada pekerja mereka.



ANWAR beramah mesra dengan warga Kementerian Kewangan pada majlis perhimpunan bulanan di Putrajaya semalam.

KOSMO

03 APR 2024

Tarikh:



KESESAKAN kenderaan di atas lebuh raya merupakan perkara biasa ketika musim perayaan kerana warga kota pulang ke desa. — GAMBAR HIASAN



PARA pengguna lebuh raya boleh melihat keadaan semasa trafik sebelum memulakan perjalanan. — SADDAM YUSOFF

Aplikasi bantu rancang perjalanan balik kampung

Oleh GHAZALI ALIAS

PERJALANAN pulang ke kampung halaman semasa musim perayaan tidak boleh dipisahkan dengan kesesakan lalu lintas terutama pada waktu puncak sebelum hari perayaan.

Ini kerana, sudah menjadi kebiasaan rakyat Malaysia memilih untuk pulang ke desa pada saat-saat ketika kadar kenderaan tinggi di lebuh raya.

Bagi memberikan solusi terhadap masalah kesesakan di lebuh raya ketika musim perayaan, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) telah memperkenalkan aplikasi digital untuk pengguna merancang perjalanan semasa musim perayaan iaitu MyPLUS-TTA.

Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar berkata, aplikasi itu merupakan medium untuk membantu mengoptimum pengalihan trafik dalam usaha mengurangkan risiko kesesakan dan meningkatkan keselamatan pengguna.

Ini membuktikan usaha dan komitmen berterusan PLUS dalam menambah baik mutu perkhidmatan lebuh raya di bawah kendalian agensi itu termasuk menyokong aspirasi pendigitalan oleh kerajaan.

"Menerusi aplikasi ini, kita telah meletakkan beberapa fungsi seperti maklumat terkini keadaan lebuh raya, khidmat SOS kecemasan dan anggaran trafik mengikut hari berdasarkan data-data terdahulu.

"Pengguna boleh ke fungsi ini untuk merancang perjalanan mereka kerana pola kadar kenderaan setiap tahun tidak



PARA pengguna boleh mendapatkan pelbagai maklumat penting berkaitan lebuh raya menerusi MyPLUS-TTA.



NIK AIRINA

jauh berbeza.

"Malah, setiap keluarga boleh menjangkakan waktu sesuai untuk memulakan pergerakan pulang ke kampung," katanya ketika ditemu bual Infiniti di Persada PLUS, Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini.

Menerusi aplikasi itu juga, pengguna boleh menerima notifikasi maklumat terkini keadaan semasa lebuh raya.

Ini membolehkan para pengguna lebuh raya lebih peka dan berhati-hati sekiranya berlaku kesesakan akibat kemalangan atau kereta rosak di hadapan mereka.

Aplikasi itu juga boleh diintegrasikan

dengan aplikasi MyJalan sedia ada dalam usaha memastikan pengguna mendapat manfaat daripada informasi berkenaan lebuh raya.

Nik Airina berkata, MyPLUS-TTA adalah salah satu inisiatif bawah rangka strategi jangka panjang PLUS ke arah lebuh raya pintar (smart highway) untuk mempercepatkan operasi dan perkhidmatan PLUS.

Jelasnya lagi, menerusi aplikasi itu, pengguna boleh menyemak kadar tol, lokasi Rehat dan Rawat (R&R) terdekat serta lokasi kiosk tambah nilai.

Pengguna juga boleh mendaftarkan kad Touch 'n Go dengan aplikasi itu bagi membolehkan mereka merujuk baki semasa dan bersedia menambah nilai di kiosk tambah nilai terdekat.

Sementara itu, bagi urusan kecemasan, aplikasi itu tersedia untuk fungsi SOS supaya pengurusan seperti kereta rosak atau kemalangan dapat dilaksanakan dengan lancar.

"Jika berlaku kecemasan di lebuh raya seperti kenderaan rosak, pengguna boleh menggunakan fungsi SOS.

"Menerusi fungsi itu, mereka boleh mendapatkan bantuan daripada pihak PLUS Ronda.

"Fungsi ini memerlukan pengguna memberikan maklumat termasuk lokasi bagi membolehkan bantuan tiba dengan cepat di tempat yang betul, sekali gus melancarkan trafik," ujarnya.

Buat masa ini, MyPLUS-TTA boleh diakses menerusi aplikasi PLUS yang boleh dimuat turun secara percuma menerusi Google Play Store (pengguna Android) dan App Store (pengguna iPhone).

KOSMO

03 APR 2024

Tarikh:

KWSP kemas kini dana pelaburan

KOSMO
3/4

PETALING JAYA – Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan senarai kelayakan dikemas kini untuk dana unit amanah yang layak ditawarkan di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA KWSP) berkuat kuasa semalam.

Di bawah SPA KWSP, terdapat 296 dana yang diluluskan daripada 18 Institusi Pengurusan Dana (IPD).

Menurutnya, berdasarkan penilaian tahunan yang dilaksanakan setakat 31 Disember 2023, sebanyak 189 dana mencapai kriteria kelayakan minimum dan layak ditawarkan kepada ahli KWSP untuk tempoh 2024/2025.

"Daripada dana yang layak ini, 151 dana atau 79.9 peratus adalah dana tempatan; 107 (56.6 peratus) adalah dana ekuiti dan 76 (40.2 peratus) adalah dana syariah.

Ketua Pegawai Pelaburan KWSP, Rohaya Mohammad Yusof berkata, KWSP akan terus menyediakan pilihan dan fleksibiliti kepada ahli yang layak untuk meneroka peluang pelaburan yang lebih luas melalui IPD yang dilantik oleh KWSP.

"Skim ini membolehkan ahli memindahkan sebahagian dari-



AHLI boleh memindahkan simpanan daripada Akaun 1 ke dalam salah satu dana berpotensi yang ditawarkan oleh IPD bagi membolehkan simpanan persaraan mereka dipelbagaikan. – GAMBAR HIASAN

pada simpanan dalam Akaun 1 KWSP mereka ke dalam dana unit amanah yang layak ditawarkan untuk pelaburan di pasaran tempatan atau global bagi memberi peluang kepada ahli meningkatkan simpanan persaraan

mereka," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Rohaya menerangkan, senarai ini juga termasuk dana unit amanah berasaskan pelaburan mampan dan bertanggungjawab

(Sustainable and Responsible Investment atau SRI) yang berperanan dalam memacu agenda pelaburan mampan KWSP.

Ia juga akan memperkasakan ahli untuk membuat keputusan pelaburan yang termaklum mela-

lui pelbagai dana yang dibenarkan.

Tambah beliau, kesemua dana yang diluluskan di bawah SPA KWSP ini dinilai setiap tahun berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh KWSP dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Dua kriteria kelayakan untuk penilaian dana termasuk prestasi yang konsisten serta prestasi relatifnya berbanding penanda aras dana.

Ambang kelayakan yang ditetapkan untuk kriteria ini disemak dari semasa ke semasa untuk memastikan hanya dana dengan kualiti tertinggi disenaraikan.

"Di bawah SPA KWSP, ahli diberi pilihan untuk melabur dengan IPD sehingga 30 peratus daripada lebihan jumlah simpanan di dalam Akaun 1 mereka.

"Ini termasuklah melabur dengan Syarikat Pengurusan Dana Amanah dan Syarikat Mandat Persendirian, bergantung kepada kelayakan berdasarkan simpanan asas," ujarnya.

Tambah Rohaya, sejak pelancaran platform i-Invest pada 2019, sekitar RM2.5 bilion telah diurusniagakan sehingga Disember 2023.

KOSMO

Tarikh: 03 APR 2024

Shah Alam: Kerajaan Selangor menyerahkan sumbangan RM1.54 juta kepada 440 masjid di sembilan daerah di negeri ini bagi menyokong fungsi masjid sebagai institusi agama dalam menggerakkan syiar Islam di negeri itu.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sumbangan menerusi Insentif Kita Selangor Aidilfitri itu juga sebagai menghargai khidmat bakti penggerak rumah ibadat berkegiatan dan meringankan beban mereka dalam membuat persiapan menyambut hari raya.

Kerajaan Selangor serah sumbangan RM1.54 juta kepada 440 masjid

metro
3/2

Beliau berkata, kerajaan negeri juga sentiasa menjaga kebajikan imam, bilal, siak dan nazir di negeri itu saban tahun melalui pelbagai bantuan.

"Justeru, tohmahan pentadbiran Kerajaan Per-

paduan di Selangor tidak menjaga kebajikan golongan itu di seluruh Selangor adalah palsu dan fitnah semata-mata," kata-

nya dalam hantaran menerusi Face-

book, semalam.

Menu-rut han-

taran itu, Amirudin menyerahkan sumbangan itu di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang turut dihadiri Exco Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi Selangor Dr Mohammad Fahmi Ngah, kelmarin.

Menerusi insentif itu, seramai 3,080 penggerak masjid menerima bantuan berjumlah RM500 seorang.

3,080 penggerak masjid menerima bantuan berjumlah RM500 seorang

HARIAN METRO

Tarikh: 03 APR 2024

Selenggara lebuhraya dihenti sementara hingga 17 April

Kuala Lumpur: Semua kerja penyelenggaraan di lebuhraya membabitkan penutupan lorong akan dihentikan sementara sehingga 17 April ini sempena sambutan Aidilfitri.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, arahan itu berkuat kuasa bermula kelmarin.

"Cuma untuk kerja kecemasan, kita akan be-

narkan sekiranya ada keperluan. Rancang perjalanannya sepanjang musim perayaan nanti," katanya dalam hantaran di Facebook.

Sebelum ini, Nanta memaklumkan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan syarikat konsesi akan mengaktifkan laluan Smart Lane di 18 lokasi di Lebuhraya PLUS yang dikenal pasti berlaku kesesakan kriti-

kal bagi memastikan aliran trafik lebih lancar pada sambutan perayaan itu.

Plus Malaysia Berhad (Plus) pula menjangkakan sebanyak 2.1 juta kenderaan sehari bakal menggunakan lebuhraya kendalian syarikat itu pada 5, 6, 9, 12, 13 dan 14 April ini susulan cuti hari raya, berbanding 1.82 juta pada waktu puncak hari biasa.

HARIAN METRO

Tarikh: 03 APR 2024

'Pantau dari dekat!'

Putrajaya

Kerajaan sedang memantau agensi-agensi penguatkuasaan negara dengan rapi bagi mengelakkan mereka daripada terpalit dengan isu kecurangan dalam usaha membanteras gejala rasuah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berharap menerusi pemantauan itu, ia dapat mengelakkan laporan berhubung aktiviti kecurangan seperti rasuah atau kegiatan 'menyakau' dalam kalangan penjawat awam yang menjalankan amanah menjaga keselamatan negara.

"Ini peringatan (kepada) penguatkuasaan kastam (Jabatan Kastam Diraja Malaysia), LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri) dan Imigresen (Jabatan Imigresen).

"Kita sedang pantau dari dekat dan saya harap sangatlah supaya kita dapatlah elakkan laporan-laporan kecurangan ini kerana majoriti itu memang ada hasrat buat kebaikan," katanya ketika berucap pada

majlis perhimpunan warga Kementerian Kewangan, di sini, semalam.

Beliau berkata, laporan-laporan kecurangan itu bukan melibatkan semua, tetapi hanya segelintir petugas penguatkuasaan dan ada yang terpaksa menerima dalam keadaan terpaksa kerana wujudnya budaya sedemikian.

"Kadang-kadang dia hidup dalam budaya yang begitu rupa, jadi budaya saka itu semua, dia sebut - 'terpaksa' lah.

"Pernah orang sebut pada saya - kamu Menteri Kewangan lama, takkan tak ada kumpul duit banyak. Pasti kamu ini kurang cerdik atau memang tidak tahu apa-apa langsung. Sebab bagi dia, kalau dah jadi Menteri Kewangan, Perdana Menteri, mestilah kumpul banyak (harta/wang)," katanya.

Anwar seterusnya menekankan isu kecurangan atau rasuah yang dilaporkan berlaku dalam Jabatan Kastam, tidak seharusnya memberi imej yang buruk kepada penjawat awam kerana menurutnya, ia hanya membabitkan sebilangan kecil individu dalam jaba-

tan berkenaan.

"Saya ucap tahniah kepada Ketua Pengarah Kastam (Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin) kerana tidak melihat dari segi negatif, terus ambil tindakan - tukar dan ambil tindakan disiplin. Beliau tidak melindungi sesiapa. Jadi jangan biarkan sekelumit ini mencacatkan imej perkhidmatan awam, kalau ada tindakan seperti dilakukan oleh Ketua Pengarah Kastam, saya ucap tahniah," katanya.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki sebelum ini dilaporkan berkata, 34 anggota dan pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang bersekongkol dengan sindiket penyeludupan pengimportan dan penjualan arak serta rokok seludup membatikan ketirisan hasil cukai RM2 bilion ditahan menerusi Ops Samba 2.0.

Operasi khas yang bermula 11 hingga 25 Mac lalu itu diketuai Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM bersama pihak LHDN dan Bank Negara Malaysia (BNM) dengan bantuan SPRM Putrajaya, Selangor dan Kuala Lumpur. - Bernama



"Saya harap sangat supaya kita dapat elakkan laporan-laporan kecurangan ini"
Anwar

HARIAN METRO

Tarikh: ...0.3.APR.2024.

Putrajaya: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak bercadang untuk membuat sebarang majlis sambutan Aidilfitri di kediaman rasminya di Seri Perdana tahun ini, sebaliknya hanya mahu mengikuti sambutan anjuran Kementerian di negeri-negeri.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan harus mengamalkan langkah berjimat cermat dan beliau mahu supaya tindakan itu dicontohi oleh agensi-agensi kerajaan yang lain.

PM tak bercadang buat majlis sambutan Aidilfitri

Sehubungan itu, beliau menggesa setiap agensi dan kementerian terutama sekali Kementerian Kewangan agar tidak bermegah dalam mengadakan majlis sambutan Aidilfitri yang bakal diraikan tidak lama lagi.

"Janganlah bersaing siapa lebih megah...bukan duit kamu pun," beliau berkata ketika berucap pada perhimpunan warga Kementerian Kewangan, di sini, semalam.

Sementara itu, Anwar berkata, keputusan kerajaan memberikan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri kepada penjawat awam dibuat selepas mengambil kira kos sara hidup yang diakui sedikit meningkat ketika ini selain memenuhi keperluan untuk menyambut Aidilfitri.

"Malam (Ahad) saya fikir (mengenai BKK itu) dan nak tidur pun terganggu. Jadi saya fikir bagi

jelah sedikit kurang-kurang reda sedikit (beban) dan kerja pun semangat. Harap kita belanja dengan cermat dan berhemat," katanya.

Anwar mengakui agihan bantuan RM2,000 (Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam) kepada penjawat awam bulan lalu tidak dapat menampung keperluan sedia ada.

"Saya telah jelajah ke Sarawak, Pahang, Perak dan

Perlis, saya lihat masih ada penjawat awam di peringkat bawah mengeluh kerana kos sara hidup yang meningkat sedikit," katanya.

Kelmarin, Anwar mengumumkan BKK Aidilfitri RM500 kepada penjawat awam Gred 56 ke bawah yang akan dibayar pada Jumaat ini, di samping BKK Aidilfitri RM250 kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpcen serta tidak ber-

pcen.

Anwar seterusnya menggesa semua agensi, badan-badan berkanun kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan untuk mengumumkan bantuan sama kepada pekerja mereka.

"Kalau boleh bagilah pertimbangan untuk ratusan ribu pekerja di bawah supaya mereka dapat habuan untuk meringankan beban bagi sambut Aidilfitri," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh: ... 0 3. APR..2024

Pendaftaran PADU akan dibuka semula

3/4
BH

Kuala Lumpur: Pangkalan Data Utama (PADU) akan dibuka semula bagi membolehkan orang ramai yang belum mendaftar untuk berbuat demikian selepas ditutup mulai tengah malam kelmarin.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata bagaimanapun perkara itu hanya dilakukan selepas selesai proses analisis ke atas pendaftaran pertama.

Katanya, proses analisis itu perlu dilakukan bagi membolehkan pihaknya merangka dan mencadangkan program bantuan yang perlu dilaksanakan untuk pertimbangan kerajaan.

"Kemungkinan bantuan pertama dilaksanakan dahulu bagi membolehkan orang ramai melihat keberkesanannya.

"Selepas itu, mereka yang tidak mendaftar, mengemas kini atau mungkin ada kesilapan, diberi peluang pada masa akan datang," katanya kepada BH.

Mohd Uzir berkata, kemas kini berkala PADU adalah satu ciri kepada 'real-time data' (RTD) dan ia tidak berbentuk sekali saja.

Katanya, data PADU ketika ini adalah berpandu kepada data dari tempoh semasa yang sudah ditutup dan akan ada fleksibili untuk mengemas kini selepas ini.

"Selepas ini, PADU akan menjadi sumber rujukan tunggal untuk semua agensi kerajaan mendapatkan profil setiap rakyat.

"Ketika ini, setiap agensi mempunyai data masing-masing, yang mana selepas ini ia akan dimasukkan ke dalam PADU. Oleh itu, subsidi dan bantuan disalurkan kerajaan ditentukan berdasarkan penelitian dalam sistem berkenaan," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh.....0.3..APR..2024....

Kakitangan awam bercuti layak terima bantuan khas Aidilfitri

Bayaran RM500 diberikan kepada pegawai Gred 56 dan ke bawah Jumaat ini

Putrajaya: Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) 2024 yang akan mula dibayar Jumaat ini, layak diterima oleh pegawai yang bercuti dengan bergaji penuh, bercuti separuh gaji dan bercuti tanpa gaji.

Dalam surat edaran ditandatangani Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, dimaklumkan BKKA 2024 juga layak diterima pegawai yang dipinjamkan, termasuk ke agensi yang diasingkan saraannya dengan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai itu.

Bayaran RM500 berkenaan akan diberikan kepada penjawat awam Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 5 April, pegawai lantikan *contract of service* (COS), pegawai sambilan harian serta pegawai lantikan MySTEP, manakala bayaran RM250 untuk pesara kerajaan, veteran berpencen dan veteran tidak berpencen.

Menurut BERNAMA, BKKA 2024 juga layak diterima guru in-

terim, pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Utama B dan ke atas serta Gred Khas A dan ke atas yang layak, tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatan, selain pemandu yang dilantik sendiri oleh anggota pentadbiran, hakim dan pesuruhjaya kehakiman.

Menurut surat edaran berkenaan, bayaran BKKA 2024 bagi pesara kerajaan, termasuk yang bersara selepas mencapai opsyen

umur persaraan atau bersara atas sebab kesihatan akan dilakukakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), manakala veteran berpencen dan tidak berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV).

"Veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara serta COS dan masih berkhidmat pada 5 April, layak dibayar RM500 dengan bayaran RM250 oleh JPA atau JHEV dan baki

RM250 dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat," menurut surat edaran berkenaan.

BKKA 2024 dikecuali cukai

Bagaimanapun bayaran BKKA 2024 tidak layak diberikan kepada pegawai dalam kumpulan pengurusan tertinggi dan setaraf, termasuk pegawai yang memangku, dipinjam atau ditukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama atau Gred Khas.

Menurut surat edaran itu, pemberian BKKA 2024 adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan BKKA sebanyak RM500 akan dibayar kepada penjawat awam Gred 56 ke bawah, selain semua pesara kerajaan, termasuk veteran berpencen serta tidak berpencen.

Tiada rumah terbuka dianjurkan di Seri Perdana

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak akan menganjurkan rumah terbuka Aidilfitri di Seri Perdana tahun ini, sebaliknya akan mengikuti dan menghadiri majlis di negeri yang dianjurkan oleh menteri.

"Untuk sambutan Aidilfitri, saya tidak buat majlis besar-besaran di Seri Perdana. Sebaliknya, saya akan mengikuti dan menghadiri majlis di negeri-negeri yang dianjurkan oleh menteri-menteri," kata Perdana Menteri ketika

berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Turut mengingatkan agensi kerajaan supaya lebih berhemat dan menganjurkan majlis sambutan hari raya sederhana, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata: "Jangan berlumba-lumba untuk menganjurkan majlis yang lebih besar dan mewah, itu bukan duit anda pun."

BERITA HARIAN
Tarikh... 03 APR 2024

189 dana unit amanah KWSP layak ditawarkan

UM 3/4

Oleh CATHERINE IRENE MILTON
catherine.irene@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan 189 dana unit amanah mencapai kriteria kelayakan minimum dan layak ditawarkan kepada ahlinya di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA KWSP) bagi tempoh 2024/2025, berkuat kuasa 1 April 2024.

Daripada dana yang layak, sebanyak 151 dana, atau bersamaan dengan 79.9 peratus adalah dana tempatan; 107 dana (56.6 peratus) adalah dana ekuiti; dan 76 dana (40.2 peratus) adalah dana syariah.

Pengumuman itu adalah berdasarkan penilaian tahunan yang dilaksanakan pada kedudukan setakat 31 Disember 2023.

Ketua Pegawai Pelaburan KWSP, Rohaya Mohammad Yusof berkata, KWSP akan terus menyediakan pilihan dan fleksibiliti kepada ahli yang layak untuk meneroka peluang pelaburan yang lebih luas melalui Institusi Pengurusan Dana (IPD) yang dilantik oleh KWSP.

Ujarnya, skim itu membolehkan



**KWSP
EPF**

ahli untuk memindahkan sebahagian daripada simpanan dalam Akaun 1 KWSP ke dalam dana unit amanah yang layak ditawarkan untuk pelaburan di pasaran tempatan atau global bagi memberi peluang kepada ahli meningkatkan simpanan persaraan.

"Senarai ini juga termasuk dana unit amanah berasaskan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang berperanan dalam memacu agenda pelaburan mampan KWSP, di samping memperkasa ahli untuk membuat keputusan pelaburan yang termaklum melalui pelbagai dana yang dibenarkan," katanya dalam kenyataan.

Kesemua dana yang diluluskan di bawah SPA KWSP ini dinilai setiap tahun berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh KWSP dan diluluskan oleh Kementerian

Kewangan.

Dua kriteria kelayakan untuk penilaian dana termasuk prestasi yang konsisten serta prestasi relatifnya berbanding penanda aras dana. Ambang kelayakan yang ditetapkan untuk kriteria ini disemak dari semasa ke semasa untuk memastikan hanya dana dengan kualiti tertinggi disenaraikan.

Di bawah SPA KWSP, ahli diberi pilihan untuk melabur dengan IPD sehingga 30 peratus daripada lebihan jumlah simpanan di dalam akaun tersebut.

Ia termasuk melabur dengan Syarikat Pengurusan Dana Amanah dan Syarikat Mandat Persendirian, bergantung kepada kelayakan berdasarkan simpanan asas.

Menurut Rohaya, sejak pelancaran platform i-Invest pada 2019, sekitar RM2.5 bilion telah diurusniagakan sehingga Disember 2023.

"KWSP menggalakkan lebih ramai ahli memanfaatkan kemudahan i-Invest berikutan penambahbaikan pada platform itu dibuat awal tahun ini yang membolehkan transaksi untuk portfolio mandat persendirian.

"Penambahbaikan ini membolehkan ahli untuk melakukan transaksi melibatkan portfolio mandat persendirian yang diluluskan, sebagai tambahan kepada dana unit amanah yang layak ditawarkan melalui platform i-Invest," ujarnya.

Beliau menambah, portfolio mandat persendirian dan dana unit amanah di bawah SPA KWSP memberikan fleksibiliti kepada ahli untuk melabur melalui pengurus aset profesional berdasarkan objektif pelaburan individu, keutamaan dan toleransi risiko mereka.

Ahli boleh melakukan transaksi dengan mudah melalui i-Invest dengan caj jualan pendahuluan yang dibayar oleh ahli kepada IPD adalah dihadkan pada 0.5 peratus untuk setiap transaksi pembelian.

Ahli disarankan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dalam membuat sebarang keputusan pelaburan dan mendapatkan maklumat yang tepat serta nasihat profesional sebelum membuat keputusan atau transaksi dan rujuk kepada Khidmat Nasihat Ahli KWSP.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 03 APR 2024

'Jimat berbelanja, bukan wang kamu pun'

Oleh MOHD. HUSNI
MOHD. NOOR

utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan semua kementerian dan agensi kerajaan supaya berjimat-cermat dalam berbelanja terutama semasa menganjurkan sambutan rumah terbuka Aidilfitri.

Dalam hal ini, Perdana Menteri mahu Kementerian Kewangan menunjukkan contoh dan tidak perlu bersaing siapa lebih megah dalam penganjuran majlis itu.

"Saya mahu Perbendaharaan menunjukkan contoh. Janganlah kita bersaing siapa lebih megah dan bukan wang kamu pun.

"Kadangkala kita lupa, saya Perdana Menteri saya nak berbelanja apa salahnya, tapi saya fikir bukan wang saya.

"Apa ertinya saya tak ambil gaji tetapi saya boros berbelanja? Jadi untuk sambutan, sambutlah secara bersederhana," katanya ketika berucap dalam perhimpunan bulanan bersama warga Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut mengesahkan tiada majlis rumah terbuka sempena sambutan Aidilfitri di kediaman rasmi Perdana Menteri di Kompleks Seri Perdana di sini, tahun ini.

Bagaimanapun, beliau memaklumkan akan menyertai sambutan Aidilfitri yang dibuat di negeri-negeri oleh kementerian berkaitan.

"Untuk sambutan Aidilfitri, saya tidak buat majlis besar-besaran di Seri Perdana," katanya.

Keputusan untuk tidak menganjurkan sambutan Aidil-



ANWAR Ibrahim beramah mesra dengan kakitangan Kementerian Kewangan dalam Majlis Perhimpunan Warga Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

fitri di Seri Perdana bukan kali pertama diumumkan Anwar, malah sambutan itu juga tidak diadakan tahun lalu.

Tahun lalu, Anwar memutuskan untuk menghadiri Majlis Rumah Aidilfitri anjuran agensi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi mendekati lebih ramai rakyat.

Dalam pada itu, beliau berkata, keputusan memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri kepada penjawat awam tepat pada masanya selepas mengambil kira kos sara hidup yang meningkat ketika ini.

Katanya, masih ada penjawat awam di peringkat bawah yang mengeluh dengan peningkatan kos sara hidup tambahan bagi memenuhi keperluan menjelang sambutan Aidilfitri.

"Malam (kelmarin), saya fikir (mengenai BKK itu) dan nak tidur pun terganggu. Jadi, saya fikir bagi sajalah sikit, kurang-kurang reda sikit (be-

ban) dan kerja pun semangat.

"Harap kita belanja dengan cermat dan berhemah," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan percaya, keputusan agihan bantuan Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam sebanyak RM2,000 kepada penjawat awam bulan lalu tidak dapat menampung keperluan sedia ada.

Kata beliau, walaupun ia keputusan bijak, agihan itu tidak dapat menampung sehingga Aidilfitri kerana ia telah digunakan untuk keperluan perbelanjaan persekolahan anak.

"Saya telah jelajah ke Sarawak, Pahang, Perak dan Perlis malah, saya lihat masih ada penjawat awam di peringkat bawah mengeluh kerana kos sara hidup yang meningkat sedikit," katanya.

Kelmarin, beliau mengu-

mumkan BKK Aidilfitri sebanyak RM500 kepada penjawat awam Gred 56 ke bawah yang akan dibayar pada Jumaat ini selain bayaran RM250 kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen serta tidak berpencen.

Pada masa sama, Anwar menggesa semua agensi, badan berkanun kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan untuk mengumumkan bantuan sama kepada pekerja mereka.

"Kalau boleh bagilah pertimbangan untuk ratusan ribu pekerja di bawah supaya mereka dapat habuan untuk meredakan beban bagi sambut Aidilfitri," katanya.

Katanya, beliau juga menggesa institusi perbankan supaya membuat pertimbangan sama.

"Saya tak boleh bagi arahan kerana ia urusan mereka masing-masing tapi saya bagi gesaan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
03 APR 2024
Tarikh:

PM: No Hari Raya do at Seri Perdana this year

NST
3/4

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said he will not be organising any Hari Raya Aidilfitri event at Seri Perdana Complex here this year.

"Instead, I will follow and attend events at the states organised by the ministers," he said at the Finance Ministry's monthly assembly yesterday.

Anwar, who is also finance minister, reminded government agencies to be prudent and organise moderate Hari Raya celebrations.

He said they must be wise in spending public funds, especially for festivities and celebrations.

"Please don't compete (against each other) on who (organises)

bigger and grander event.

"That's not even your money."

Anwar has done away with the practise of hosting the open house on the first day of Hari Raya Aidilfitri at the Seri Perdana Complex since he took office.

Instead, he attends functions organised by agencies in different states.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: ...0..3..APR...2024...

501-344 No Raya celebration this year at Seri Perdana, says PM

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has no plans to hold an Aidilfitri celebration at his official residence at Seri Perdana this year but will attend the celebrations organised by ministries in the states.

Anwar, who is also finance minister, said the government is being frugal and wants other government agencies to emulate it.

He called on all agencies and ministries, especially the Finance Ministry, not to boast about holding Aidilfitri celebrations.

"Don't compete whose (celebration) is more impressive. The money spent is not even yours," he said at the Finance Ministry's assembly here yesterday.

Anwar said the government's decision to provide the Aidilfitri Special Financial Assistance to civil servants was made after taking into account the cost of living, which had increased slightly.

"On Sunday night, I was thinking about the assistance and could not sleep. It's not much, but at least it

will ease the (civil servants') burden and make them more motivated to work. (I) Hope the money is spent carefully and prudently."

Anwar said he realised that the RM2,000 in Early Incentive Payment given to civil servants last month could not cover their needs.

"I have been to Sarawak, Pahang, Perak and Perlis. There are civil servants at the lower level complaining about the increase in the cost of living."

On Monday, Anwar announced

an Aidilfitri aid of RM500 to civil servants in Grade 56 and below and RM250 each to all government retirees, which will be paid on Friday.

Anwar urged all government agencies, statutory bodies and government-related companies to give similar financial assistance to their employees.

"Consider the hundreds of thousands of workers. Reward them to lighten their burden to celebrate Aidilfitri." - Bernama

THE SUN

03 APR 2024

Tarikh:

Speed limit on federal roads reduced

Sun 3/4

KUALA LUMPUR: The Works Ministry has announced a temporary reduction of 10kph in speed limit on federal roads nationwide from April 8 to 14 in conjunction with the Hari Raya Aidilfitri celebrations.

In a statement yesterday, the ministry said the speed limit on federal roads will be lowered from 90kph to 80kph during the period.

This is part of the government's effort to reduce risk of road crashes during festive seasons. Integrated operations and road safety campaigns will also be carried out during the same period, the statement said.

According to the ministry, federal road concessionaires have been instructed to suspend non-critical construction and maintenance works on roads from April 5 to 14 to avoid traffic flow disruption, except for patching potholes, emergency and critical works, and construction activities outside road reserves. — Bernama

THE SUN
03 APR 2024

Tarikh:

Madiah checking on her damaged fish farm in Kampung Sanding. — BERNAMAPIC



Heatwave bane and boon

► Siblings suffer losses due to dried out fish farm but rebound with river bounty brought by hot weather

MARAN: While many caged fish farm operators are overwhelmed with tens of thousands of their stock dying due to the El Nino phenomenon, an enterprising 34-year-old woman faces a different challenge.

Madiah Jamal and her brother Azmi Jamal, 41, inherited an *ikan patin* (catfish) and tilapia farming business from their father last year, but the hot weather has caused a loss of thousands of ringgit.

Their *patin* farm in Kampung Sanding, about 36km from Chenor, was not spared when several sections along the river dried up to wide sandbars the size of

football fields.

"The situation in Sungai Pahang is not new to Maran residents but this time, it seems worse as the heat is so extreme that it caused the river to become shallow and the sandy stretches to become longer.

"It is a terrible loss. Even the fish cages suffered damage. Usually, the demand for *patin* and tilapia doubles at the end of Ramadan and the beginning of Syawal. But this time, we were unable to meet demand," said Madiah.

With Aidilfitri approaching, they were determined to find a solution.

So, they went to the upper reaches of Sungai Pahang that were

not affected to search for *ikan lais* (butter catfish), Bernama reported.

Madiah said this species of fish is increasingly difficult to find but can be easily caught in large quantities using small shrimp as bait during hot weather.

"This elusive fish is seasonal. It is not always easily located and we can only find it once a year although it is usually abundant in scorching weather. During the hot and dry season, the water is clear, so it is easy to find *ikan lais*.

"We fish early in the morning or evening for four hours and catch more than 2kg. We also hook *udang galah* (freshwater prawns). It is not difficult, just cast the line and you can catch something in 10 to 15 minutes," she said, adding that all her catch is sold at the Chenor morning market.

Selling at a relatively high price of RM40 per kg, buyers are attracted to the availability of the rare river

fish. Some are even willing to drive from Kuala Lumpur to buy it.

"Demand is very high because the flesh is sweet and it does not have many bones. It tastes delicious, especially when cooked with spicy coconut milk and eaten with rice, *ulam* and *sambal tempoyak*."

There are also some who use it to make *pekasam* (fermented fish) or *asam pedas*. The high demand sees some vendors selling it for more than RM60 per kg. It usually sells out in less than half an hour," she said.

"The livestock industry was not spared the impact of the heatwave, but there are other ways (to earn a living) if we look hard enough."

"It is the season for *ikan lais* but not many people take advantage of this because to go fishing, one has to withstand the heat and it is quite challenging due to (fasting during) Ramadan. That is why not many fishermen are game."

THE SUN
03 APR 2024

Tarikh: